PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA FUNGSIAN		
1.	Prinsip Perakaunan Diterima Umum (General Accepted Accounting Principles) Yang Ditetapkan Oleh Mana-Mana Badan Penetap Piawaian	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan perlu mematuhi Prinsip Perakaunan Diterima Umum (General Accepted Accounting Principles) seperti berikut: (a) Agensi digalakkan menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) selaras dengan *Decision Chart* di Lampiran A Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP) PA 3.2 bagi memastikan penyediaan penyata kewangan dan pengurusan perakaunan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan (b) Sekiranya agensi menerima pakai piawaian perakaunan seperti *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) atau *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) iaitu piawaian selain MPSAS, agensi perlu mengemukakan surat permohonan kelulusan pengecualian pemakaian MPSAS kepada JANM
2.	Asas Perakaunan Akruan	(a) Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan oleh agensi perlu menggunakan asas perakaunan akruan bagi memastikan pengiktirafan, pengukuran dan pelaporan transaksi kewangan dilaksanakan dengan tepat dan teratur (b) Agensi perlu menyatakan titik pengiktirafan dan catatan bergu adalah tepat dan betul bagi akaun hasil, belanja, aset, ekuiti/liabiliti
3.	Kod Carta Akaun Yang Fleksibel	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai kod carta akaun yang fleksibel mengikut keperluan agensi. Jenis akaun bagi kod carta akaun hendaklah terbahagi kepada hasil, belanja, aset, liabiliti dan ekuiti
4.	Transaksi Kewangan Boleh Diperakaunkan Pada Setiap Hari Bagi Menjana Penyata Kewangan	(a) Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk mengakaunkan transaksi kewangan secara harian ke lejar am bagi penyediaan penyata kewangan agensi (b) Penutupan bulanan/tahunan secara automatik bagi mengakaunkan semua transaksi kewangan
5.	Sistem Bercirikan *Single-Point Data Entry* Dan Integrasi	Modul-modul dalam sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mestilah berhubung kait (interoperability). Sistem sokongan berkaitan data kewangan mestilah

PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA FUNGSIAN		
		berintegrasi dengan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan secara harian
6.	Proses Aliran Kerja Dalam Talian (Online Workflow)	(a) Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk membuat proses aliran kerja dalam talian (online workflow) bermula dari peringkat penyediaan sehingga kelulusan di dokumen kewangan (pesanan tempatan, baucar bayaran dan baucar jurnal) (b) Dokumen kewangan tersebut boleh dijana melalui sistem dan memaparkan maklumat seperti berikut: (i) Tarikh sedia, semak dan lulus (ii) Masa sedia, semak dan lulus (iii) Nama pegawai penyedia, penyemak dan pelulus (iv) Jawatan pegawai penyedia, penyemak dan pelulus
7.	Kemudahan Pembayaran Dan Terimaan Secara Elektronik	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai kemudahan pembayaran melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT) serta transaksi terimaan boleh dilaksanakan secara elektronik (cashless)
8.	Proses Penyesuaian Bank Boleh Dilaksanakan Melalui Sistem	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya membuat penyesuaian bank melalui penyata bank yang dimuat naik
9.	Penjanaan Penyata Kewangan Dan Laporan	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk menyedia dan menjana Penyata Kewangan berikut setiap tahun dan laporan yang diperlukan pada bila-bila masa: (a) Penyata Prestasi Kewangan/Penyata Pendapatan Komprehensif (b) Penyata Kedudukan Kewangan (c) Penyata Aliran Tunai (d) Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti

PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA FUNGSIAN		
10.	Data Boleh Diekstrak Daripada Pangkalan Data Bagi Tujuan Pengauditan	Data boleh diekstrak daripada pangkalan data bagi tujuan pengauditan dan sistem berupaya untuk menyimpan data bagi tempoh yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia

PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA TEKNIKAL		
1.	Pentadbiran Profil Keselamatan Pengguna	Agensi Kerajaan perlu menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pentadbiran pengguna dan melantik sekurang-kurangnya dua orang pentadbir sistem yang terdiri daripada pegawai awam/Agensi Kerajaan yang tidak terlibat dalam operasi sistem (a) SOP merangkumi tatacara bagi prosedur berikut: (i) Pendaftaran ID baharu (ii) Pengemaskinian • tahap capaian/hak modul • peranan (sedia/semak/lulus) • had kuasa menyemak/memperaku (iii) Penamatan ID (b) Setiap prosedur di atas mempunyai perkara berikut: (i) Proses kerja (ii) Carta alir (iii) Borang permohonan Tarikh kemas kini dokumen SOP
2.	Jejak Audit Bagi Merekodkan Semua Aktiviti Pengguna	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan perlu mempunyai jejak audit bagi merekodkan semua aktiviti pengguna dan berupaya menjana/mengekstrak laporan jejak audit
3.	Sistem Log Bagi Merekodkan Semua Aktiviti Capaian Server	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai sistem log bagi merekodkan semua aktiviti capaian di server aplikasi dan pangkalan data dan berupaya menjana/mengekstrak laporan log server aplikasi dan server pangkalan data (database)
4.	Kaedah Penyulitan (Encryption) Dan Penyahsulitan (Decryption)	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan menggunakan kaedah penyulitan (encryption) dan penyahsulitan (decryption) data di dalam sistem bagi pemindahan data secara elektronik kepada/daripada sistem pihak ketiga bagi data pembayaran gaji dan Pindahan Dana Elektronik (EFT)

PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA TEKNIKAL		
5.	Ciri-Ciri Keselamatan Dalam Penyediaan Rangkaian Serta Infrastruktur ICT	(a) Agensi Kerajaan perlu mendapatkan khidmat nasihat keselamatan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) mengenai penempatan Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) sama ada di premis kerajaan dalam negara atau premis swasta (b) Agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan perlu merujuk dengan Jabatan Digital Negara (JDN) selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa (c) Agensi Kerajaan perlu menyediakan *Network Diagram, Secure Socket Layer* (SSL), Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan (PTK) dan *Anti Virus*
6.	Keupayaan Untuk Menamatkan Aplikasi Secara Automatik (Auto Logoff)	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai fungsi untuk menamatkan sesi secara automatik (auto logoff) sekiranya pengguna tidak aktif (idle) bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan
7.	Aplikasi Dan Data Bagi Sistem Dibuat Sandaran Data (Backup) Dan Pengujian *Restore* Secara Berkala	Aplikasi dan data bagi sistem perakaunan dan kewangan dibuat sandaran data (backup) secara berkala dan pengujian *restore* dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun serta mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pengendalian sandaran data (backup) dan *restore*
8.	Pelan Pemulihan Bencana (DRP) Bagi Sistem Yang Digunakan Dan Melaksanakan Simulasi DRP	(a) Agensi Kerajaan hendaklah menyediakan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan, melaksanakan simulasi dan mengemas kini pelan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) mempunyai maklumat berikut: (i) Struktur Organisasi Pasukan DRP (DR Team) (ii) Prosedur/tatacara bagi tiga fasa minimum iaitu fasa normal (perlu mempunyai penerangan berkaitan strategi simulasi), fasa pemulihan dan fasa selepas bencana (iii) *Recovery Point Objective* (RPO) yang sepadan dengan strategi *backup*

PENJELASAN LANJUT KRITERIA PEMATUHAN SAGA

BIL.	KRITERIA PEMATUHAN SAGA	KETERANGAN
KRITERIA TEKNIKAL		
		(iv) *Recovery Time Objective* (RTO) yang sepadan dengan jumlah masa diambil dalam fasa pemulihan dan jenis DRC (v) Maklumat lokasi dan jenis DRC sama ada *cold, warm atau hot* (vi) Strategi mendapatkan semula data yang hilang/tidak sempat dibuat sandaran disebabkan oleh bencana yang berlaku bagi memastikan ketepatan penyata kewangan (b) Laporan DRP mempunyai maklumat seperti berikut: (i) Notis Pengisytiharan Bencana (ii) Notis Penamatan Bencana (iii) Laporan Penilaian Bencana (iv) Imbangan duga sebelum, selepas pengujian *restore* dan tambahan satu transaksi data kewangan yang disemak dan disahkan oleh pegawai kewangan